

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI  
[ BUKIT BENDERA ]**

**TARIKH : 30 NOVEMBER 2015 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**YB Tuan Zairil Khir Johari [ Bukit Bendera ] minta PERDANA MENTERI menyatakan status pelarian Rohingya di Malaysia, termasuk mereka di bawah program perlindungan UNHCR serta mereka yang dikumpulkan dalam Kem Imigresen.**

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada statistik yang dikeluarkan oleh Pejabat Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Pelarian (UNHCR) di Kuala Lumpur sehingga 31 Oktober 2015, terdapat seramai 50,860 orang pelarian etnik Rohingya, Myanmar yang telah berdaftar dengan pihak UNHCR. Sehingga pertengahan bulan November 2015, seramai 392 orang etnik Rohingya, Myanmar yang mendarat di Pulau Langkawi pada 11 Mei 2015 masih lagi ditahan di Depoh Tahanan Imigresen Belantik Sik, Kedah. Pihak UNHCR telah pun menjalankan proses temubual bagi mengesahkan identiti mereka sebagai pelarian.

Kerajaan tidak mengiktirafkan status pelarian dan pemohon suaka memandangkan Malaysia bukan Negara Pihak kepada Konvensyen Mengenai Status Pelarian 1951 atau Protokol Status Pelarian 1967. Justeru, pelarian dan pemohon suaka tidak berhak untuk mendapatkan hak-hak sebagaimana yang diperuntukkan dalam Konvensyen dan Protokol tersebut. Walau bagaimanapun, Kerajaan atas dasar kemanusiaan membenarkan pelarian yang merupakan pendatang tanpa izin (PATI) yang memegang kad UNHCR yang sah untuk tinggal sementara di negara ini sehingga dihantar pulang ke negara asal atau dihantar ke negara ketiga.

Pada dasarnya, pelarian di Malaysia:

- (i) Tidak dinafikan kebebasan bergerak dan tidak ditahan melainkan terlibat dengan aktiviti yang melanggar undang-undang negara;
- (ii) Tidak akan dihantar kembali ke negara asal selari dengan prinsip '*non-refoulement*' melainkan secara sukarela (*voluntary return*);
- (iii) Tidak dinafikan hak untuk mendapatkan rawatan di hospital/klinik kerajaan dengan diberi potongan caj sebanyak 50% daripada kadar yang dikenakan ke atas golongan ekspatriat. Vaksinasi kepada kanak-kanak adalah diberikan secara percuma; dan
- (iv) Tidak disekat untuk mendapat kemudahan pelajaran di sekolah swasta.

UNHCR sebagai agensi dibawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang menentukan status dan memberikan kad UNHCR kepada pelarian adalah bertanggungjawab untuk menjaga sara hidup harian, kebajikan, tempat perlindungan, kesihatan, dan pendidikan pelarian yang tinggal sementara di Malaysia selaras dengan perundangan dan peraturan negara yang berkuatkuasa.

Sekian. Terima kasih.